

6,824 kes baharu, 67 kematian

Sebanyak 851 kes dirawat di ICU dengan 422 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan

KUALA LUMPUR

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Jumlah kes baharu Covid-19 yang dilaporkan pada Isnin terus menurun kepada 6,824 menjadikan jumlah kumulatif ialah 572,357 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Pada Ahad, kes baharu pandemik itu di Malaysia mencatat penurunan ketara iaitu 6,999 kes berbanding 9,020 pada Sabtu, pengurangan sebanyak 2,021 kes.

Menerusi catatan di Twitter, Dr Noor Hisham berkata, Selangor masih menyumbang kes



DR NOOR HISHAM

harian tertinggi sebanyak 2,111 diikuti Kelantan (695); Sarawak (654); Johor (489); Kedah (464); Kuala Lumpur (387) dan Melaka (352).

Selain itu, Pulau Pinang mencatatkan 328 kes, Perak (255); Negeri Sembilan (253); Pahang (219); Sabah (207); Terengganu (204); Labuan (166); Putrajaya (28) dan Perlis (12).

Sementara itu, dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19, Dr Noor Hisham memaklumkan, terdapat 67 kematian dilaporkan melibatkan 15 kes di Selangor, Johor (12), Sarawak (lapan), Kedah (enam), masing-

masing lima kes di Negeri Sembilan dan Kelantan; Pahang (empat) serta masing-masing tiga di Pulau Pinang, Labuan dan Melaka; Sabah (dua) dan satu kes di Kuala Lumpur.

"Jumlah individu yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) setakat ini adalah sebanyak 851 kes dengan 422 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.



Beliau berkata, terdapat 25 kluster baharu dikesan pada Isnin melibatkan 14 kluster tempat kerja, sembilan kluster komuniti dan masing-masing satu kluster pendidikan tinggi dan kumpulan berisiko tinggi, menjadikan jumlah kluster aktif kini 655 kluster.

Dr Noor Hisham berkata,

kluster tempat kerja itu melibatkan Kluster Jalan Alam Jaya, Selangor; Kluster Jalan Perusahaan Dua Lima, Selangor; Kluster Jalan Coastal Bintulu-Miri, Sarawak; Kluster Jalan Sierra Perdana Empat, Johor; Kluster Dah PKNK 3/8, Kedah dan Kluster Perindustrian Trisegi, Kuala Lumpur.

Kluster tempat kerja juga melibatkan Kluster Jalan Mahsuri Kluang, Johor; Kluster Tapak Bina Klebang, Melaka; Kluster Lintang Bayan Lepas Enam, Pulau Pinang; Kluster Industri Bukit Minyak Tujuh, Pulau Pinang; Kluster Industri Indera Mahkota 14, Pahang; Kluster Muara Tabuan, Sarawak; Kluster Industri Jalan Karak, Pahang dan Kluster Jalan Sudirman, Pahang. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
572,357	490,038	851	2,796	+6,824	2,913,009

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

31 Mei
6,824 kes

30 Mei
6,999 kes

29 Mei
9,020 kes

28 Mei
8,290 kes

27 Mei
7,857 kes

26 Mei
7,478 kes

25 Mei
7,289 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 565,533 kes kepada 572,357 kes

